

14/08/1997

Siaran TV3 24 jam

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Penerangan meluluskan permohonan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (STMB) yang mengendalikan stesen televisyen TV3 untuk menambah waktu siarannya daripada 20 jam kepada 24 jam sehari.

Menteri Penerangan, Datuk Mohamed Rahmat, berkata pihaknya membuat keputusan itu selepas membuat pelbagai penilaian dan pertimbangan hasil rundingannya dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta pegawai terbabit.

"Rakyat Malaysia sekarang sudah tahu memilih masa dan program yang sesuai untuk ditonton.

"Selepas dikaji, kementerian mendapati mereka tidak akan menjadi hamba televisyen. Kesan negatif daripada perkhidmatan 24 jam yang ada juga tidak besar," katanya pada sidang akhbar di Angkasapuri, di sini hari ini.

Kelulusan itu juga ekoran daripada adanya satelit dan stesen televisyen kabel.

"Pihak kementerian juga sudah mengkaji kesan terhadap nilai hidup rakyat Malaysia. Ternyata tidak ada ketagihan menonton televisyen walaupun khidmat stesen berkenaan 24 jam," katanya.

Menurut Mohamed, kementerian akan mengeluarkan surat kelulusan kepada TV3 dalam tempoh sehari dua ini.

"Setelah menerima surat berkenaan, pihak TV3 mestilah berunding dengan kementerian untuk mengenal pasti program yang bakal ditayangkan dalam tempoh empat jam tambahan yang diberikan itu.

"Syarat lesen sudah ada. Saya rasa ia akan berbentuk hiburan bermaklumat serta hiburan, sesuai dengan keadaan sekarang untuk menyebarkan perkhidmatan maklumat," katanya.

Bagaimanapun, Mohamed tidak pasti bila tarikh siaran 24 jam itu dapat dimulakan oleh TV3.

"Ini terpulang kepada TV3 sendiri. Saya harap ia sebelum sambutan Hari Kemerdekaan nanti. Kelulusan ini boleh dianggap sebagai hadiah Hari Kebangsaan sempena 40 tahun merdeka," katanya.

Beliau berkata, permohonan itu mengambil masa setahun untuk dikaji.

"Ia tidak dibawa ke Kabinet. Kementerian mempunyai beberapa unit untuk tujuan berkenaan seperti pelesenan, pengawasan dan perancangan.

"Jangka masa ini bukan bermakna pihak kerajaan tidak cekap. Kita memerlukan masa," katanya.

Mohamed yakin RTM tidak akan tergugat dengan pertambahan waktu siaran yang diberikan kepada TV3.

"Kita tidak anggap TV3 sebagai satu saingan tetapi sebagai stesen tambahan. Setakat ini, kementerian belum lagi menerima permohonan MetroVision untuk siaran 24 jam.

"Kita akan mengkaji sekiranya mereka memohon," katanya.

(END)